

## **POLISI PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA**

Penyataan Privasi ini menjelaskan bagaimana United Business Media Sdn Bhd dan syarikat induk, syarikat sekutu serta anak-anak syarikatnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada, UBMMG Holdings Sdn Bhd (dirujuk secara kolektif sebagai “Kumpulan UBM” atau “kami”) mengumpul, menyimpan, dan mengendali maklumat peribadi (seperti yang didefinisikan di bawah) individu-individu selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”) dan undang-undang lain Malaysia yang berkenaan.

Penyataan Privasi ini akan membenarkan kamu mengetahui bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi yang kami mungkin kumpulkan daripada anda. Dengan memberi Maklumat Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju akan Penyataan Privasi ini dan pengumpulan, penggunaan, pengaksesan, pemindahan, penyimpanan dan pemprosesan maklumat peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Penyataan Privasi ini.

### **1. Pengenalan**

Penyataan Privasi ini menerangkan:

- Jenis maklumat peribadi yang kami kumpulkan
- Cara kami mengumpul maklumat peribadi anda
- Cara kami menggunakan maklumat peribadi anda
- Bila dan dalam keadaan apa kami mendedahkan maklumat peribadi anda
- Situasi dimana kami memindahkan maklumat peribadi anda ke luar negara
- Hak anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda

Untuk memastikan bahawa anda dapat membuat keputusan yang bermakna dan berasa yakin akan pembekalan maklumat peribadi anda kepada kami samada secara bertulis, elektronik, cetakan atau apabila menggunakan mana-mana Laman Web Kumpulan UBM, Produk dan/atau Perkhidmatan kami, kami telah menyediakan Penyataan Privasi ini untuk anda yang menghuraikan amalan-amalan kami dan pilihan anda mengenai cara-cara maklumat peribadi anda dikumpul dan digunakan oleh kami.

### **2. Appakah maklumat Peribadi?**

Maklumat peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda. Ia merangkumi apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk membezakan, mengenal pasti atau menghubungi anda. Bagi tujuan Penyataan Privasi ini, maklumat peribadi merangkumi maklumat peribadi sensitif, iaitu maklumat yang berkaitan dengan kesihatan, pendapat politik, kepercayaan agama anda, dll. Untuk mengelakkan keraguan, sila maklum bahawa Penyataan Privasi ini terpakai hanya jika anda merupakan orang sebenar/seorang individu.

### 3. Jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan

Untuk membolehkan kami memberi anda Produk dan/atau Perkhidmatan kami dan untuk beroperasi secara cekap dan berkesan dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik mungkin kepada anda, kami perlu mengumpul maklumat peribadi yang berkenaan daripada anda. Maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh kami mungkin merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

- maklumat hubungan seperti nama, tarikh lahir, dokumen-dokumen sokongan identiti (termasuk KP atau nombor pasport), jantina, kewarganegaraan dan bangsa, bahasa yang dipilih, alamat peribadi dan/atau perniagaan semasa, nombor telefon atau telefon bimbit, nombor faks, alamat emel
- status Produk dan/atau Perkhidmatan yang anda telah perolehi atau langgani dari kami;
- Maklumat pembayaran iaitu maklumat kad kredit atau debit termasuk nama tuanpunya kad, alamat penyampaian bil, nombor kad dan tarikh luput kad serta butir-butir akaun bank;
- Jenis produk atau perkhidmatan kami yang biasa digunakan oleh kamu;
- minat dan kegemaran peribadi anda untuk membantu kami melaraskan tawaran Produk dan/atau Perkhidmatan kami yang paling sesuai untuk anda;
- rakaman imej anda melalui kamera-kamera CCTV apabila anda melawat upacara-upacara dan konvensyen-konvensyen kami;
- rakaman panggilan-panggilan yang dibuat oleh anda kepada meja bantuan kami untuk peningkatan dan penambahbaikan perkhidmatan kami.

### 4. Bila dan Bagaimana Kami Mengumpul Maklumat Peribadi Anda?

Kami mungkin mengumpul maklumat peribadi secara terus daripada anda apabila anda:-

- berkomunikasi dengan kami (contohnya apabila anda serahkan borang permohonan untuk menjadi pelanggan, pengekshibit, hadirin kami, atau apabila anda menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan termasuk panggilan kepada perkhidmatan pelanggan kami)
- mendaftar untuk atau melanggan Produk dan/atau Perkhidmatan tertentu atau penerbitan kami (contohnya, risalah);
- menghadiri mana-mana Acara, Pameran, Seminar atau Mesyuarat yang dianjurkan oleh kami, dalam apa jua kapasiti;
- menyertai mana-mana kaji selidik kami;
- memasuki atau menyertai mana-mana pertandingan atau program kesetiaan yang dianjurkan/dikendalikan oleh kami;
- mendaftar minat dan/atau memohon maklumat mengenai (melalui portal dalam talian atau mana-mana saluran-saluran lain kami) atau melangani Produk dan/atau Perkhidmatan kami;

- menjawab apa-apa bahan pemasaran yang kami hantar keluar;
- memulakan hubungan perniagaan dengan kami (contohnya, sebagai pembekal perkhidmatan/rakan perniagaan/pengekshibit/pensyarah);
- mengunjungi mana-mana pejabat kami atau melalui telefon;
- melawat atau melayari laman-laman web kami;
- membuat aduan kepada kami;
- memberi maklum balas kepada kami (contohnya melalui laman web kami atau secara salinan bercetak);
- Dari mana-mana sumber terbuka

Selain daripada maklumat peribadi yang diperolehi secara terus daripada anda (seperti yang dinyatakan di atas), kami juga mungkin memperoleh maklumat peribadi anda daripada pihak-pihak ketiga yang berurusan dengan kami atau yang berkaitan dengan anda (agensi rujukan kredit atau institusi kewangan), dan daripada mana-mana sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran kepada pendedahan maklumat berkaitan dengan anda, dan/atau di mana dibenarkan oleh undang-undang.

#### 5. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Kami mungkin mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi daripada anda atau daripada kategori pihak-pihak ketiga yang dinyatakan dalam Penyataan Privasi ini, untuk satu atau lebih tujuan-tujuan berikut:-

- untuk mengesahkan identiti anda
- untuk mempertimbangkan dan memproses permohonan/permintaan anda untuk Produk atau Perkhidmatan kami
- untuk menyediakan anda dengan Produk dan/atau Perkhidmatan yang diminta oleh anda
- untuk mengendali dan mengurus Produk dan/atau Perkhidmatan yang kami sediakan anda (termasuk pengenaan bayaran, pengebilan, kemudahan pembayaran dan memungut hutang)
- untuk menyiasat dan menyelesaikan apa-apa isu berkenaan Produk dan Perkhidmatan kami
- untuk menilai dan/atau mengesahkan kelayakan kredit
- untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan
- untuk menguruskan rangkaian kami
- untuk sentiasa berhubung dengan anda dan menyediakan anda dengan maklumat yang diminta
- untuk memasuki transaksi perniagaan berkenaan dengan Produk dan/atau Perkhidmatan yang hendak ditawarkan dan disediakan kepada anda

- untuk menjalin dan menguruskan dengan lebih baik apa-apa perhubungan perniagaan yang kami mungkin ada dengan anda
- untuk memproses komunikasi yang anda hantar kepada kami (contohnya, menjawab pertanyaan dan menangani apa-apa aduan dan maklum balas)
- untuk membantu kami memantau dan memperbaiki prestasi Produk dan Perkhidmatan kami, pasukan perhubungan pelanggan kami dan pembekal perkhidmatan dan Laman-Laman Web Kumpulan UBM dan untuk menjadikannya lebih berkesan
- untuk menguruskan latihan kakitangan dan jaminan kualiti
- untuk memaklumkan anda mengenai manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri Produk dan/atau Perkhidmatan kami
- untuk memastikan cara kami dapat memperbaiki perkhidmatan kami kepada anda
- untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang akan dianonim atau diagregatkan dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai individu
- untuk menyiasat, membalas atau membela tuntutan yang dibuat terhadap atau melibatkan Kumpulan UBM
- untuk menjalankan aktiviti pemasaran (contohnya, kajian pemasaran)
- untuk menyenggara rekod-rekod yang diperlukan untuk tujuan keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang yang lain
- untuk mematuhi keperluan undang undang dan pengawalseliaan
- untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh apa-apa undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak-pihak pengawalselia berkuasa yang berkenaan

#### 6. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian dari penyediaan Produk dan/atau Perkhidmatan kami dan pengurusan dan/atau operasinya, kami mungkin diperlukan atau dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai anda kepada pihak-pihak ketiga yang berikut:

- agensi-agensi penguatkuasa undang-undang
- agensi-agensi kerajaan
- syarikat-syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai ejen, kontraktor, pembekal perkhidmatan dan/atau penasihat profesional kami
- syarikat-syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami memproses dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi dan menyediakan anda dengan Produk dan/atau Perkhidmatan yang anda telah pohon atau langgani
- Pihak-pihak verifikasi transaksi kad kredit dan pihak-pihak ketiga yang lain bagi tujuan memproses transaksi-transaksi komersial anda

- rakan niaga kami dan pihak-pihak lain untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengan tujuan pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda
- pihak-pihak lain di mana anda telah memberikan kebenaran nyata atau tersirat

## 7. Pemasaran Langsung

Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk memberi anda maklumat mengenai perkhidmatan dan/atau produk kami atau pihak-pihak ketiga, yang mungkin menarik minat atau memanfaatkan anda, kecuali diminta atau dimaklumkan sebaliknya oleh anda.

Dalam keadaan tertentu, kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda kepada peniaga, pemberi perkhidmatan dan rakan niaga strategik terpilih kami. Namun demikian, sila maklum bahawa kami hanya akan mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak tersebut di mana anda telah melanggan Perkhidmatan atau Produk tertentu yang memerlukan pendedahan tersebut dan/atau kebenaran anda telah diperolehi, tertakluk pada setiap masa kepada apa-apa undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai kepada Kumpulan UBM.

Kami mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan bahawa perjanjian-perjanjian kami dengan peniaga dan/atau rakan niaga strategik kami mengenakan kewajipan privasi dan kerahsiaan yang sewajarnya.

Jika anda tidak ingin maklumat peribadi anda digunakan untuk tujuan pemasaran atau jika anda mengubah fikiran anda berkaitan dengan pilihan anda sebelum ini, sila hubungi kami di Pegawai Data Privasi UBM melalui butiran cara menghubungi kami yang dinyatakan di bawah. Arahan bertulis anda kepada kami yang terkini akan diguna pakai.

## 8. Anda berhak Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi Anda

Jika anda mahu mengakses maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami, atau jika anda berpendapat bahawa maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau jika berkenaan, tidak terkini, anda boleh membuat permintaan kepada kami dengan menghubungi Pegawai Data Privasi UBM melalui butiran cara menghubungi kami yang dinyatakan di bawah. Anda harus menyatakan nama, alamat dan nombor telefon/akaun anda dan nyatakan dengan ringkas maklumat berkenaan yang mana anda ingin meminta sesalinan.

Kami akan menggunakan usaha yang berpatutan sewajarnya untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan maklumat peribadi anda dalam masa 21 hari dari tarikh kami menerima permintaan anda.

Sila maklum bahawa kami mungkin perlu menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat memastikan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta bersifat komersial dan sulit, atau jika kami menerima

permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Namun demikian, kami akan memaklumkan anda akan sebab-sebab kenapa kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

#### 9. Kewajipan Anda

Anda bertanggungjawab memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada kami mengenai diri anda dan mengenai mana-mana individu di mana anda membekalkan maklumat peribadi mereka kepada kami dan untuk mengemaskinikan maklumat peribadi tersebut jika dan apabila ia menjadi tidak betul atau tidak terkini dengan menghubungi Pusat Privasi UBM melalui butir-butir untuk menghubungi kami yang dinyatakan di bawah. Kewajipan ini merupakan syarat bagi penyediaan Produk dan/atau Perkhidmatan kami kepada anda dan/atau individu-individu lain yang disahkan atau dibenarkan oleh anda atau organisasi/syarikat anda untuk menggunakan Produk dan/atau Perkhidmatan tersebut.

Jika anda perlu memberi kami maklumat peribadi berkaitan dengan pihak-pihak ketiga (contohnya mengenai suami atau isteri atau anak-anak anda, atau di mana anda merupakan orang yang dilantik (dalam syarikat atau organisasi) untuk berurusan dengan kami, jika anda sedang memperolehi dan bertanggungjawab untuk perkhidmatan dan/atau produk yang mereka akan gunakan), anda mengesahkan bahawa anda telah (i) mendapatkan kebenaran mereka atau sebaliknya anda berhak memberi maklumat peribadi mereka kepada kami dan untuk kami menggunakan maklumat peribadi tersebut dengan sewajarnya, dan (ii) memberitahu mereka untuk membaca Penyataan Privasi ini.

#### 10. Urusan Dalam Talian Dengan Kumpulan UBM

##### *“Cookies”*

Kami mengumpul maklumat mengenai penggunaan laman web kami oleh anda dari “cookies”. “Cookies” adalah paket-paket maklumat yang disimpan dalam computer anda yang membantu pelayaran laman web anda dengan menyesuaikan maklumat laman web kepada keperluan anda. Cookies dengan sendirinya tidak mengenal pasti pengguna individu, hanya computer yang digunakan. Anda tidak diwajibkan menerima cookies. Jika anda mempunyai kerisauan, anda boleh tetapkan komputer anda untuk sama ada menerima semua cookies, memaklumkan anda bila sesuatu cookie di isu, atau langsung tidak menerima cookies pada apa jua masa. Namun demikian, penolakan cookies mungkin akan menjejaskan penggunaan laman web kami kerana kami tidak akan dapat memperibadikan aspek-aspek penggunaan laman web oleh anda.

##### *Pautan Ke Laman Web Pihak-Pihak Ketiga*

Sila maklum bahawa Penyataan Privasi ini hanya terpakai di laman-laman web Kumpulan UBM dan tidak terpakai kepada apa-apa laman web pihak-pihak ketiga yang anda mungkin akses dari laman-laman web kami. Untuk menentukan bagaimana mereka mengendalikan maklumat peribadi anda, anda harus memastikan bahawa anda membaca polisi privasi mereka masing-masing.

#### 11. Pemindahan Maklumat Peribadi Anda Ke Luar Negara

Ia mungkin perlu untuk kami memindahkan maklumat peribadi anda ke luar Malaysia jika mana-mana pembekal perkhidmatan atau rakan niaga strategik kami ("entiti luar negara") yang terlibat dalam penyediaan sebahagian Produk dan/atau Perkhidmatan Kumpulan UBM berlokasi di negara-negara di luar Malaysia atau jika anda menggunakan Produk dan/atau Perkhidmatan dari negara selain daripada Malaysia. Anda bersetuju kepada pemindahan maklumat peribadi anda ke luar Malaysia dalam keadaan-keadaan tersebut. Kami akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa mana-mana entiti luar negara tersebut diikat di bawah kontrak supaya tidak menggunakan maklumat peribadi anda untuk sebarang tujuan selain daripada penyediaan Produk dan/atau Perkhidmatan kepada anda yang mereka dikontrakkan oleh kami untuk menyediakan dan untuk melindungi dengan secukupnya maklumat peribadi anda.

#### 12. Pindaan Kepada Penyataan Privasi Kami

Dasar Kerahsiaan ini boleh berubah dari semasa ke semasa selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Dasar Kerahsiaan ini dan pengemaskiniannya tersedia untuk rujukan melalui laman web kami.

#### Butir-butir Menghubungi Kami

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau aduan berkaitan dengan Penyataan Privasi ini, menghubungi kami pada waktu pejabat (antara jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang, pada hari Isnin hingga Jumaat) melalui cara-cara yang berikut:

Jawatan: Pegawai Data Privasi

Telefon: 603-21768788

No. Faks: 603-21648786

Emel: visitor-my@ubm.com

Alamat: A-8-1, Level ,8, Hampshire Place Office, 157  
Hampshire, 1 Jalan Mayang Sari, 50450 Kuala Lumpur,  
Malaysia